

### ASAS ANUGERAH

- i. Anugerah Ahli Akademik Harapan bertujuan memberi pengiktirafan kepada ahli akademik muda yang berkemampuan dan berkaliber.
- ii. Penerima Anugerah Ahli Akademik Harapan ialah seorang ahli akademik yang beriltizam, terlibat secara menyeluruh dan menyumbang kepada penemuan dan pembangunan ilmu, penjanaan kekayaan negara dan memenuhi aspirasi universiti sebagai jentera pembangunan negara dan dunia ke arah meningkatkan kualiti kehidupan manusia sejagat.
- iii. Pemenang Anugerah hanya boleh menerima anugerah ini **sekali** sahaja.

### KRITERIA PEMOHON

**Anugerah akan dipertimbangkan bagi calon yang:**

- i. Berumur **di bawah 40 tahun pada 01 Januari 2022**.
- ii. Berkhidmat sebagai pensyarah di UiTM selama sekurang-kurangnya **lima (5) tahun secara kumulatif** dalam kerjaya akademik.
- iii. Menerajui secara holistik bidang pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi, perkhidmatan dan kepimpinan akademik.
- iv. Telah menyumbang kepakaran dalam bidang akademik / profesional **di peringkat kebangsaan** atau antarabangsa dalam jangka waktu **lima (5) tahun terakhir (termasuk tahun yang dinilai)**.
- v. Telah menerima anugerah atau pengiktirafan akademik **daripada badan profesional dan ilmiah** di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- vi. Membawa impak secara langsung atau tidak langsung kepada masyarakat melalui aktiviti akademik yang telah dijalankan.
- vii. Menunjukkan kecemerlangan dalam bidang akademik yang diterajui.

Setiap permohonan hendaklah mengisi butir jaya diri (*curriculum vitae*) yang disediakan.

### JENIS ANUGERAH / PENGIKTIRAFAN YANG DIPERTIMBANGKAN UNTUK PERMOHONAN ANUGERAH

- i. Anugerah / pengiktirafan akademik yang diakui secara rasmi di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.
- ii. Penerimaan anugerah mestilah mengambil kira sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima.

### KRITERIA PEMILIHAN ANUGERAH

Dalam proses penilaian untuk penganugerahan, semua sumbangan kumulatif, anugerah dan pengiktirafan yang diterima akan diambil kira.

### NILAI ANUGERAH

Nilai anugerah adalah **RM200.00** berserta hadiah iringan dari Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor.